

# PERATURAN UMUM DI ASRAMA MRSMPS

1. Para pelajar hendaklah sentiasa menjaga kebersihan dan keceriaan kesemua kawasan asrama atau maktab.
2. Para pelajar yang telah ditempatkan di bilik yang disediakan di bilik yang disediakan, tidak dibenarkan memilih atau berpindah mengikut pilihan sendiri kecuali dengan kebenaran bertulis oleh ketua guru asrama.
3. Pelajar tidak dibenarkan menggunakan bilik kosong di asrama untuk urusan kegiatan peribadi atau kumpulan.
4. Semua kawasan asrama adalah kawasan larangan kepada semua pelajar pada waktu akademik, prep petang, prep malam dan ketika solat Maghrib dan Isyak berjemaah.
5. Segala kerosakan di asrama maktab disebabkan oleh pelajar akan dikenakan bayaran ganti rugi.
6. Pelajar tidak dibenarkan menyalahgunakan kemudahan/alatan, merosakkan harta benda maktab/awam (vandalism), mencuri, menyeludup keluar dari asrama.
7. Pelajar tidak dibenarkan menyimpan atau memiliki barangan yang berbahaya seperti pisau, penukul, parang, racun, asid dan sebagainya.
8. Pelajar dilarang menghisap rokok sama ada rokok elektronik atau tembakau.
9. Sebarang bentuk perjudian tidak dibenarkan demikian juga bermain terup
10. Pelajar dilarang membawa balik ke asrama sebarang makanan atau peralatan dapur. Hanya makanan kering sahaja dibenarkan untuk dibawa balik ke asrama.
11. Pelajar Putera dilarang berada di kawasan asrama Puteri serta pelajar Puteri dilarang berada di kawasan asrama Putera sepanjang masa.
12. Semasa cuti semester semua almari dan bilik asrama dan bilik kelas hendaklah dikosongkan. Pihak pengurusan asrama tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku kehilangan barang di asrama.